

16 JAN 1998

Mahathir-Fanatik

DR MAHATHIR MAHUKAN UMAT ISLAM JANGAN BERSIKAP FANATIK

BUKIT KAYU HITAM, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam supaya tidak bersikap ekstrim dan fanatik dalam memperjuangkan fahaman politik masing-masing kerana ia boleh membahayakan sesebuah negara.

Perdana Menteri berkata sikap fanatik boleh mendorong pengikut sesuatu kumpulan melakukan pembunuhan sesama umat Islam sendiri.

Beliau berkata umat Islam harus bersikap sederhana dan mematuhi ajaran Islam yang sebenarnya.

"Sebab itulah kerajaan sentiasa menyeru umat Islam supaya bersikap sederhana walau apapun fahaman politik mereka," katanya ketika berucap di majlis berbuka puasa di Kompleks Imigresen di sini.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Majlis itu dihadiri kira-kira 150 orang terdiri dari anggota exco kerajaan negeri, pegawai kerajaan dan penduduk sekitar. Yang turut menghadiri majlis itu adalah beberapa pegawai Imigresen Thai yang bertugas di pintu masuk dan keluar kedua-dua negara itu.

Sambil mengambil kejadian pembunuhan beramai-ramai umat Islam di Algeria dan pembunuhan pelancong asing di Mesir baru-baru ini yang dilakukan oleh golongan fanatik agama sebagai contoh, Dr Mahathir berkata beliau sedih perkara seperti itu berlaku terhadap negara Islam.

"Saya berasa amat sedih walaupun umat Islam di Malaysia hidup aman damai tetapi di negara lain berlaku tekanan yang dahsyat terhadap umat Islam.

Perkara seperti pembunuhan itu yang menimbulkan tekanan, terus berlaku terhadap negara yang dipimpin oleh umat Islam sedangkan peristiwa seperti itu tidak berlaku di negara bukan Islam, katanya.

"Apakah jenis umat Islam yang sanggup membunuh saudara seagama semata-mata memenuhi fahaman fanatik mereka? Adakah agama kita menyuruh kita menyembelih orang tua dan kanak-kanak yang tidak berdosa," katanya

"Kita perlu mengawal dari awal lagi supaya perkara yang dahsyat itu tidak menimpa negara kita, kerana perkara yang kecil boleh menjadi besar sekiranya tidak dibendung," katanya.

Beliau meminta umat Islam membendung perasaan masing-masing dalam menghadapi sebarang situasi supaya keamanan dan kemakmuran negara terus berkekalan. -- BERNAMA

MZM MAI